



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN AUDIT NEGARA

FAKTA AUDIT

Skop Pengauditan

Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti kutipan levi daripada majikan berdaftar dan memproses permohonan levi bagi tujuan latihan; serta pentadbiran KWPSM bagi tujuan penggalakan latihan, pembangunan pekerja, perantis dan pelatih bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023. Bagi pentadbiran KWPSM, penilaian terhadap pengurusan pelaburan kumpulan wang ini meliputi tempoh tahun 2015 hingga 2023.

Sembilan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat juga dinilai bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.

Aspek kedudukan kewangan meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

Kenapa Perlu Diaudit

Kutipan levi berjumlah RM5.266 bilion dan levi disalurkan berjumlah RM2.844 bilion bagi tahun 2020 hingga 2023.

Tunggakan levi daripada majikan berjumlah RM205.42 juta.

Terimaan geran Kerajaan berjumlah RM404.07 juta bagi program penggalakan dan pembangunan sumber manusia bagi tahun 2020 hingga 2023.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

Rumusan Audit

PSMB telah diberikan mandat yang penting oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan sumber manusia negara berdasarkan kepada levi yang dikutip berjumlah RM5.266 bilion bagi tempoh 2020 hingga 2023 bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja dalam semua sektor industri di Malaysia. Pengauditan mendapati objektif penubuhan PSMB belum tercapai sepenuhnya kerana kelemahan pengurusan PSMB dalam melaksanakan operasi dan aktiviti syarikat mengikut tata kelola dan peraturan yang ditetapkan.

Penemuan Audit

- Sasaran KPI tahun 2023 dan pindaan indikator KPI tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Prestasi penyaluran levi kepada majikan pada tahun 2020 tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan.
- Sasaran KPI penyaluran levi yang perlu dicapai bagi tahun 2021 hingga 2023 tidak ditetapkan.
- Sejumlah RM4.81 juta baki geran kerajaan tahun 2020 tidak digunakan dan belum dipulangkan kepada Kerajaan.
- 62 permohonan levi berjumlah RM1.68 juta diluluskan selepas tarikh latihan.
- Baki levi tertunggak berjumlah RM205.42 juta, setakat 31 Disember 2023.
- 3,726 peserta Skim Gerak Insan Gemilang mengikuti latihan lebih daripada sekali di bawah skim yang sama melibatkan bayaran berjumlah RM51.69 juta.
- 234 permohonan peserta Skim Gerak Insan Gemilang meragukan kerana mempunyai nama dan nombor kad pengenalan yang sama.
- 29 transaksi pelaburan mencatatkan kerugian tidak nyata berjumlah RM49.38 juta.
- Kelulusan pembaharuan pelaburan ekuiti tidak teratur.
- Proses pembayaran deposit bagi pembelian hartanah Menara Ikhlas berjumlah RM120 juta tidak teratur kerana tidak selaras dengan klausa perjanjian walaupun deposit telah dikembalikan.
- Tujuh daripada sembilan elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya.

	Syor Audit Memastikan sasaran, pencapaian dan pindaan kepada KPI diluluskan Lembaga Pengarah selaras dengan Limits of Authority dan prinsip tata kelola yang baik. Memastikan peraturan dan garis panduan berkaitan levi dan geran Kerajaan dipatuhi, kelulusan pelaburan mengikut Limits of Authority dan terma perjanjian dipatuhi. Pihak Pengurusan melaksanakan tanggungjawab seiring dengan prinsip <i>duty of care</i> dan tata kelola yang baik dalam pengurusan syarikat. Mengkaji semula keperluan pindaan terhadap Perlembagaan Syarikat berkaitan pengurusan dan operasi syarikat agar selaras dengan peruntukan di bawah Akta PSMB 2001. Sekiranya PSMB ingin mengekalkan peruntukan sebagaimana Perlembagaan Syarikat yang telah dibuat, maka pindaan Akta PSMB 2001 sewajarnya dilaksanakan agar tidak berlaku sebarang percanggahan antara Perlembagaan Syarikat dengan akta yang berkuat kuasa. Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan PSMB bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.
--	--

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

1. Pembangunan Sumber Manusia Berhad

LATAR BELAKANG

1. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)¹ ditubuhkan pada 17 April 2001 di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang dikawal selia oleh Kementerian Sumber Manusia (KESUMA)². Penubuhan PSMB adalah selaras dengan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*] (Akta PSMB 2001).

2. Berdasarkan Seksyen 3 Akta PSMB 2001, objektif utama penubuhan PSMB ialah pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih; serta penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM).

3. Berdasarkan Seksyen 4 Akta PSMB 2001, fungsi utama PSMB ialah menentukan jenis dan takat latihan dan latihan semula pekerja, perantis dan pelatih selaras dengan keperluan sumber manusia bagi industri; menggalakkan dan meningkatkan latihan tenaga manusia; serta menentukan terma dan syarat apa-apa geran levi atau faedah lain yang akan diberikan.

4. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 89,912 majikan berdaftar dengan PSMB. Kesemua majikan tersebut perlu membayar levi kepada PSMB pada kadar 1% atau 0.5% daripada gaji bulanan pekerja seperti yang telah ditetapkan. Keseluruhan kutipan levi daripada majikan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 berjumlah RM5.266 bilion.

Aktiviti Utama Dan Model Operasi

5. Aktiviti utama syarikat ialah memungut dan mendapatkan levi daripada majikan yang berdaftar serta memproses permohonan levi bagi tujuan latihan. Sebelum pindaan Jadual Pertama Akta PSMB 2001 pada 26 Februari 2021, kutipan levi hanya melibatkan tiga sektor majikan iaitu sektor perkilangan; perkhidmatan; serta perlombongan dan pengkuarian. Selepas pindaan dibuat, kenaikan levi telah diperluaskan kepada enam sektor lain dengan pertambahan sektor pertanian, pembinaan dan kewangan.

6. PSMB juga memperoleh geran daripada Kerajaan bagi menjalankan program penggalakan dan pembangunan sumber


¹ PSMB dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia sebelum diperbadankan menjadi Syarikat Berhad Menurut Jaminan.

² Kementerian Sumber Manusia sebelum ini dikenali sebagai KSM dan telah ditukar kepada KESUMA mulai 4 Mac 2024.

manusia. Peruntukan geran disalurkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) kepada PSMB melalui KESUMA.

7. Model operasi PSMB adalah berteraskan perkhidmatan yang diberikan kepada majikan berdaftar yang membuat bayaran levi. PSMB berperanan sebagai pemungut levi dan mengakaunkan semua levi; geran Kerajaan; yuran pendaftaran penyedia latihan; dan hasil pelaburan ke dalam KWPSM. Secara amnya, model operasi syarikat adalah seperti dalam **Carta 1**.

Carta 1: Model Operasi PSMB



Sumber: Jabatan Audit Negara

PENEMUAN AUDIT

8. Pengauditan telah dijalankan pada Ogos 2023 hingga Mac 2024. Objektif, skop dan metodologi pengauditan adalah seperti di **Lampiran 1**. Perkara yang ditemui serta maklum balas PSMB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 3 Mei 2024. Maklum balas telah diterima beberapa peringkat pada 25 April 2024, 2 Mei 2024 dan 10 Mei 2024. Lain-lain penemuan Audit adalah seperti di **Lampiran 2**.

PRESTASI AKTIVITI

9. Aktiviti utama PSMB ialah memungut dan mendapatkan levi daripada majikan yang berdaftar serta memproses permohonan geran levi bagi tujuan latihan kepada majikan dan pekerja.

10. Pencapaian output PSMB dinilai berdasarkan tiga perkara iaitu pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI), prestasi penyaluran levi kepada majikan dan prestasi penggunaan geran Kerajaan.

**Sasaran KPI Dan
Pindaan Indikator
KPI Tidak
Diluluskan Oleh
Lembaga
Pengarah**

11. Perenggan 3.2.2., Limits of Authority PSMB menetapkan KPI hendaklah disediakan dan sebarang pindaan KPI hendaklah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah. Perenggan 3.2 Green Book Enhancing Board Effectiveness April 2006 pula menyatakan penyediaan dan penggunaan KPI hendaklah menjadi amalan tadbir urus korporat yang baik sebagai kaedah bagi Lembaga Pengarah untuk menyelia prestasi syarikat.

12. Pencapaian KPI PSMB diukur berdasarkan empat perspektif utama KPI iaitu Kewangan, Pihak Berkepentingan, Proses Dalaman dan Landskap Pembelajaran bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. PSMB menetapkan markah minimum 90% sebagai mencapai sasaran bagi setiap perspektif. Bagaimanapun pada tahun 2023, satu perspektif utama KPI iaitu Proses Dalaman telah ditukar kepada perspektif Transformasi Digital.

13. Semakan Audit mendapati sasaran dan pencapaian KPI tahun 2020 hingga 2022 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Peratus pencapaian KPI PSMB bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah antara 64.1% hingga 143.5%.

14. Bagaimanapun, **sasaran KPI tahun 2023 tidak dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah** walaupun dua Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2023 iaitu pada 28 Mac 2023 dan 12 April 2023.

15. Sasaran KPI hanya dikemukakan kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia pada 9 November 2023 untuk kelulusan. PSMB memaklumkan sasaran KPI tidak dapat dibentangkan kepada Lembaga Pengarah kerana mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan sejak Mei 2023 hingga Januari 2024 kerana ketiadaan Pengerusi Lembaga Pengarah. Oleh itu, pencapaian KPI tahun 2023 belum dimuktamadkan kerana belum mendapat kelulusan Lembaga Pengarah.

16. Subseksyen 7(3) Akta PSMB 2001 menyatakan Menteri hendaklah melantik daripada kalangan orang yang disebut dalam subseksyen (1) seorang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Berdasarkan perenggan 19.17, Perlembagaan PSMB dan perenggan 7.3.1 Piagam Lembaga Pengarah mengenai kuorum mesyuarat menyatakan sekiranya Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi hendaklah menjadi Pengerusi atau jika Timbalan Pengerusi tidak hadir maka ahli mesyuarat hendaklah memilih di kalangan mereka seorang untuk menjadi pengerusi mesyuarat secara sementara.

17. Semakan Audit mendapati bagi tempoh Mei 2023 hingga Januari 2024 berlaku ketiadaan Pengerusi menyebabkan Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan dan agenda penting seperti penetapan sasaran KPI tidak dapat diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

18. Semakan Audit selanjutnya mendapati Timbalan Pengerusi PSMB telah dilantik oleh YB Menteri selaras dengan Subseksyen 7(3) Akta PSMB 2001 berkuat kuasa pada 21 Ogos 2023 hingga 6 Ogos 2025. Oleh itu, pihak Audit berpandangan Mesyuarat Lembaga Pengarah boleh diadakan berdasarkan perenggan 19.17 Perlembagaan PSMB dan perenggan 7.3.1 Piagam Lembaga Pengarah memandangkan Timbalan Pengerusi telah dilantik oleh YB Menteri dalam tempoh tersebut.

19. Analisis Audit mendapati PSMB telah mencapai sasaran KPI yang ditetapkan kecuali bagi perspektif Pihak Berkepentingan. Prestasi pencapaian KPI bagi tahun 2021 dan 2022 masing-masing ialah 64.1% dan 65.2% berbanding sasaran yang ditetapkan. Ringkasan pencapaian KPI PSMB bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 1**. Analisis Audit juga mendapati indikator bagi setiap KPI tidak ditentukan secara tetap di bawah satu perspektif dan sentiasa bertukar mengikut tahun bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

Jadual 1: Ringkasan Pencapaian KPI PSMB Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2022

PERSPEKTIF KPI	2020		2021		2022	
	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)	S (%)	P (%)
Kewangan	90.0	134.9	90.0	98.3	90.0	100.4
Pihak Berkepentingan	90.0	94.8	90.0	64.1	90.0	65.2
Proses Dalaman	90.0	91.5	90.0	100.0	90.0	100.0
Landskap Pembelajaran	90.0	143.5	90.0	101.3	90.0	100.0

Sumber: Laporan Pencapaian KPI PSMB

Nota : S - Sasaran P - Pencapaian

20. Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, **sasaran 20 daripada 30 indikator KPI telah dipinda dan tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah**. Sasaran 17 daripada 20 indikator KPI telah diturunkan berbanding sasaran awal menyebabkan sasaran indikator KPI tercapai dan telah dijadikan asas pemberian bonus pada tahun 2021 dan 2022 kepada pegawai PSMB dengan purata satu hingga enam bulan gaji bulanan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 2: Pindaan Indikator KPI Berbanding Sasaran Awal Yang Ditetapkan Bagi Tahun 2020 Hingga 2022

BIL.	PERSPEKTIF UTAMA	INDIKATOR KPI	SASARAN AWAL DITETAPKAN	PERUBAHAN DARI SASARAN AWAL	CATATAN
TAHUN 2020					
1.	Kewangan	Peratusan Keuntungan	5.90%	4.38%	Penurunan
2.	Pihak Berkepentingan	Bilangan Pekerja Mahir	60,000	40,000	Penurunan
3.		Bilangan Pekerja Dilatih	1,250,000	500,000	Penurunan
4.		Peratusan Levi Digunakan Majikan	80%	70%	Penurunan
5.		Bilangan Laporan Industri Pintar	20	10	Penurunan
6.	Proses Dalam	Peratusan Kepuasan Pelanggan	75%	60%	Penurunan
7.		Jumlah Kutipan Levi	RM1 Bilion	RM560 Juta	Penurunan
8.	Landskap Pembelajaran	Jumlah Jam Latihan	32	24	Penurunan
TAHUN 2021					
9.	Kewangan	Bilangan Majikan Berdaftar	55,000	68,300	Kenaikan
10.	Pihak Berkepentingan	Bilangan Penempatan Inisiatif Pusat Penempatan HRDC - Upskill Malaysia	10,000	5,000	Penurunan
11.		Bilangan Persijilan Sumber Manusia	5,000	500	Penurunan
12.		Penjanaan Pendapatan Janaprenuer	i. Pelancaran portal ii. Kerjasama seluruh negara iii. 10,000 produk dan perkhidmatan	i. Pelancaran portal ii. 25 kerjasama seluruh negara iii. 3,000 penjual yang aktif	i. Tiada Perubahan ii. Perubahan sasaran iii. Perubahan sasaran
13.		E-Latih i. Bilangan pengguna ii. Bilangan kursus tempatan dan antarabangsa	i. 1,000,000 ii. 1,000	i. 250,000 ii. 500	i. Penurunan ii. Penurunan
14.	Landskap Pembelajaran	Kerangka Kelayakan Microcredential HRDF	i. Pembangunan kerangka dan kelulusan program	i. Pembangunan kerangka dan kelulusan program ii. 5,000 kursus disahkan	i. Tiada perubahan ii. Penambahan sasaran
TAHUN 2022					
15.	Kewangan	Jumlah Kutipan Levi	RM2.1 Bilion	RM1.7 Bilion	Penurunan
16.	Pihak Berkepentingan	Bilangan Majikan Berdaftar	98,300	90,000	Penurunan
17.		Bilangan Peluang serta Pencari Kerja i. Penempatan Pekerjaan ii. Pameran Kerjaya iii. Program Bimbingan	i. 25,000 ii. 5 pameran iii. 10 program	i. 10,000 ii. 5 pameran iii. 10 program	i. Penurunan ii. Tiada perubahan iii. Tiada perubahan
18.		Bilangan Latihan Diluluskan di bawah Geran Levi	1,200,000	1,100,000	Penurunan
19.		Pembangunan Sistem Teras Baharu	Dilancarkan suku keempat tahun 2022	Pengumpulan keperluan pada suku keempat 2022	Penurunan
20.	Proses Dalam	Pembangunan Sistem Super Aplikasi	Dilancarkan suku pertama tahun 2022	Dilancarkan suku ketiga tahun 2022	Penurunan

Sumber: Laporan Sasaran dan Pencapaian KPI PSMB

Maklum Balas PSMB	Sasaran indikator diturunkan berbanding sasaran awal antaranya kerana pandemik Covid-19 menyebabkan jumlah penyertaan pekerja dalam program latihan berkurang; majikan dan penyedia latihan tidak dilengkapi dengan keupayaan untuk beralih kepada latihan secara maya; dan kebanyakan program latihan dibatal/ditangguhkan. Sasaran dan pencapaian KPI Tahun 2023 telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2024 pada 4 April 2024.
Pendapat Audit	Indikator KPI yang sentiasa berubah dan berbeza perspektif setiap tahun menyukarkan penilaian dan penyeliaan prestasi syarikat dibuat secara konsisten. Pindaan terhadap sasaran awal indikator KPI tanpa kelulusan Lembaga Pengarah adalah tidak selaras dengan Limits of Authority dan mengetepikan peranan Lembaga Pengarah dalam penentuan hala tuju PSMB. Mesyuarat Lembaga Pengarah tidak diadakan bagi tempoh Mei 2023 hingga Januari 2024 kerana ketiadaan Pengerusi. Selaras dengan Subseksyen 10(1) Akta PSMB 2001 yang telah memperuntukkan kuasa kepada PSMB untuk mengawal selia perlembagaan PSMB sendiri, pihak Audit berpendapat PSMB perlu meminda Perlembagaan dan Piagam Lembaga Pengarah PSMB selaras dengan Akta PSMB 2001. Perkara ini bagi memastikan Mesyuarat Lembaga Pengarah dapat diadakan bagi membincangkan isu berkaitan dapat diselesaikan.
Prestasi Penyaluran Levi Kepada Majikan	21. Seksyen 14 Akta PSMB 2001 menetapkan setiap majikan yang mempunyai 10 atau lebih pekerja hendaklah membayar levi bagi setiap pekerja pada kadar 1% daripada upah bulanan pekerja. Seksyen 15 Akta yang sama menetapkan bagi majikan yang mempunyai lima hingga sembilan pekerja diberi pilihan untuk mendaftar dengan PSMB dan kadar levi yang perlu dibayar ialah 0.5% daripada upah bulanan pekerja tersebut. 22. Perenggan 22(2)(a)-(f) Akta yang sama menetapkan wang levi hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang telah ditetapkan. Berdasarkan KPI tahun 2020, PSMB dikehendaki menyalurkan 70% daripada kutipan levi kepada majikan bagi tujuan latihan. 23. Semakan Audit mendapati sejumlah RM5.266 bilion levi telah dikutip oleh PSMB dan RM2.844 bilion (54%) daripadanya telah disalurkan kepada majikan bagi tujuan latihan untuk tempoh tahun 2020 hingga 2023. Jumlah levi yang dikutip pada tahun 2023 meningkat 349.4% kepada RM2.134 bilion berbanding

RM474.86 juta pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**. Peningkatan jumlah levi adalah selaras dengan pertumbuhan industri majikan yang perlu membayar levi berikutan peluasan Akta PSMB 2001 mulai Mac 2021.

Jadual 3: Jumlah Levi Yang Dikutip Dan Disalurkan Kepada Majikan Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2023

TAHUN	JUMLAH LEVI YANG DIKUTIP (RM Juta)	JUMLAH LEVI YANG DISALURKAN (RM Juta)	PERATUS PENGGUNAAN LEVI (%)
2020	474.86	298.80	62.9
2021	847.97	268.47	31.7
2022	1,809.46	758.34	41.9
2023	2,133.84	1,518.73	71.2
JUMLAH	5,266.13	2,844.34	54.0

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit dan Akaun Pengurusan PSMB

24. Analisis Audit mendapati **jumlah levi yang disalurkan kepada majikan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 adalah antara RM268.47 juta (31.7%) hingga RM1.519 bilion (71.2%) berbanding jumlah levi yang dikutip.**

25. Pada tahun 2021 dan 2022, penyaluran levi kepada majikan bagi tujuan latihan adalah kurang daripada 50% iaitu masing-masing RM268.47 juta (31.7%) dan RM758.34 juta (41.9%). Jumlah levi tertinggi yang disalurkan adalah pada tahun 2023 iaitu berjumlah RM1.519 bilion (71.2%) berbanding jumlah terimaan levi oleh PSMB.

26. **Prestasi penyaluran levi kepada majikan pada tahun 2020 tidak mencapai sasaran KPI yang ditetapkan** iaitu menyalurkan 70% (RM332.40 juta) daripada levi yang dikutip kepada majikan. Hanya RM298.80 juta (62.9%) dapat disalurkan kepada majikan pada tahun tersebut dan peratusan pencapaian penyaluran pada tahun 2020 adalah kurang memuaskan iaitu hanya 7.1%. Seterusnya, **prestasi penyaluran levi bagi tahun 2021 hingga 2023 tidak dapat dinilai kerana PSMB tidak menetapkan sasaran KPI yang perlu dicapai.**

Maklum Balas PSMB

Prestasi penyaluran levi pada tahun 2020 tidak mencapai sasaran disebabkan pandemik Covid-19 dan pengurangan jumlah penyertaan pekerja dalam program latihan. Pandemik Covid-19 mengehadkan bilangan dan jenis latihan yang disediakan untuk majikan terutama sekali latihan secara bersemuka.

Pendapat Audit Prestasi penyaluran levi kepada majikan bagi tempoh 2020 hingga 2023 adalah kurang memuaskan kerana hanya disalurkan antara 31.7% hingga 71.2% daripada kutipan levi bagi tujuan latihan. Pengurusan PSMB sepatutnya menetapkan sasaran penyaluran levi sebagai KPI tahunan bagi mengukur prestasi PSMB dalam usaha meningkatkan pembangunan sumber manusia. Semua penetapan KPI dan perubahan kepada KPI perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah bagi pemantauan yang berkesan.

Prestasi Penggunaan Geran Kerajaan

27. Skim geran Kerajaan merupakan peruntukan yang diterima bagi tujuan penggalakan dan pembangunan sumber manusia kepada majikan dan golongan sasar yang ditetapkan.

28. Bagi tahun 2020 hingga 2023, PSMB telah menerima geran peruntukan mengurus dan pembangunan daripada MOF dan KESUMA berjumlah RM404.07 juta untuk pelaksanaan 13 program latihan dengan tujuan penggalakan dan pembangunan sumber manusia.

29. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2023, sejumlah RM468.41 juta telah dibelanjakan dengan lebih perbelanjaan berjumlah RM64.34 juta ditanggung oleh PSMB melalui konsep geran padanan.

30. Peruntukan mengurus yang disalurkan oleh Kerajaan untuk Program Pembiayaan Latihan TVET untuk B40 dan Program Revolusi Perindustrian 4WRD masing-masing berjumlah RM6.59 juta dan RM2.50 juta adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4: Peruntukan Mengurus Yang Disalurkan Bagi Tujuan Latihan Kepada PSMB Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2023

PROGRAM	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	PERUNTUKAN DIBELANJAKAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
TVET untuk B40	6.59	4.28	2.31
Revolusi Perindustrian 4WRD	2.50	-	2.50
JUMLAH			4.81

Sumber: Surat Penyaluran Geran Peruntukan MOF

31. MOF melalui surat penyaluran peruntukan bertarikh 4 Februari 2020 dan 28 Februari 2020 menetapkan sekiranya terdapat peruntukan Program Pembiayaan Latihan TVET untuk B40 dan Program Revolusi Perindustrian 4WRD yang tidak dapat dibelanjakan sebagaimana kelulusan hendaklah dimaklumkan kepada MOF untuk tujuan penarikan balik peruntukan.

32. Semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2023, **baki peruntukan berjumlah RM4.81 juta bagi kedua-dua program masih belum digunakan. Jumlah tersebut termasuk RM2.50 juta peruntukan bagi program Revolusi Perindustrian 4WRD yang tidak pernah dibelanjakan sejak diterima pada tahun 2020.**

33. Perkara ini disebabkan program latihan yang dirancang tidak dapat dijalankan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa bagi menangani penularan pandemik Covid-19.

34. Setakat 31 Disember 2023, **tiada sebarang pemakluman atau tindakan oleh PSMB kepada MOF dan KESUMA untuk memulangkan semula baki peruntukan yang tidak dibelanjakan tersebut.**

**Maklum Balas
PSMB**

Pada tahun 2021, program Revolusi Perindustrian 4WRD tidak dapat dilaksanakan secara berkesan disebabkan pelaksanaan PKP. PSMB dalam proses untuk mengangkat permohonan ke MOF melalui KESUMA untuk menggunakan dana ini bagi tujuan Program Latihan Madani (PLM) yang memberi fokus kepada Skim B40 dan PKS.

Pendapat Audit

Prestasi penggunaan geran Program Pembiayaan Latihan TVET untuk B40 dan Program Revolusi Perindustrian 4WRD tidak memuaskan. Sejumlah RM4.81 juta baki geran Program Pembiayaan Latihan TVET untuk B40 dan Program Revolusi Perindustrian 4WRD tidak digunakan dan tiada tindakan PSMB sejak tahun 2020 untuk memulangkan baki dana kepada MOF setakat akhir tahun 2023.

**PENGURUSAN
AKTIVITI**

35. Penilaian Audit bagi pengurusan aktiviti dilaksanakan terhadap pendaftaran majikan, pendaftaran penyedia latihan, pengurusan levi, geran Kerajaan dan pelaburan.

36. Pengurusan pendaftaran majikan dan pendaftaran penyedia latihan adalah memuaskan. Bagaimanapun pengurusan aktiviti PSMB bagi tiga aspek iaitu pengurusan levi, geran Kerajaan dan pelaburan adalah kurang memuaskan.

**62 Permohonan
Levi Berjumlah
RM1.68 Juta
Diluluskan
Selepas Tarikh
Latihan**

37. Levi yang diterima daripada majikan serta peruntukan geran daripada Kerajaan akan diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) oleh PSMB sebelum disalurkan kepada majikan dan golongan sasar mengikut program latihan yang ditetapkan.

38. Perenggan 7.1., Levy Grant Processing Guideline menetapkan permohonan penggunaan levi bagi Skim HRD Corp Claimable Courses hendaklah diluluskan sebelum latihan berlangsung.

39. Semakan Audit terhadap 100 permohonan dan kelulusan penggunaan levi menggunakan data Sistem eTRIS³ bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 mendapati **sejumlah 62 permohonan levi berjumlah RM1.68 juta diluluskan selepas tarikh latihan dilaksanakan.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5.**

Jadual 5: Permohonan Levi Yang Diluluskan Selepas Program Latihan Berlangsung Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2023

TAHUN	BIL. KELULUSAN LEVI	JUMLAH LEVI DILULUSKAN (RM Juta)
2020	10	0.37
2021	10	0.22
2022	13	0.22
2023	29	0.87
JUMLAH	62	1.68

Sumber: Data Sistem eTRIS dan Bahagian Program PSMB

40. **Tempoh kelewatan meluluskan permohonan levi adalah antara dua hingga 1,508 hari selepas tarikh latihan dilaksanakan** adalah seperti dalam **Jadual 6.** Kelewatan kelulusan permohonan levi menyebabkan verifikasi pelaksanaan latihan tidak dilaksanakan.

Jadual 6: Tempoh Kelewatan Meluluskan Permohonan Selepas Tarikh Latihan Berlangsung

TEMPOH KELEWATAN MELULUSKAN GERAN LATIHAN (Hari)	BIL. KELULUSAN GERAN
1 - 30	26
31 - 90	2
91 - 150	5
151 - 180	2
Melebihi 180	27
JUMLAH	62

Sumber: Data Sistem eTRIS dan Bahagian Program PSMB

³ Sistem eTRIS adalah sistem pendaftaran majikan dan penyedia latihan; permohonan dan tuntutan levi; serta permohonan dan kelulusan latihan.

**Maklum Balas
PSMB**

Tarikh latihan permohonan yang dikuiri, rayuan dan modifikasi selalunya selepas tarikh latihan. PSMB tidak menetapkan had masa majikan membuat permohonan baharu selepas rayuan dan modifikasi. Situasi tersebut menyebabkan permohonan dihantar untuk kelulusan selepas tarikh latihan dijalankan.

PSMB dalam proses menggantikan sistem sedia ada kepada sistem baharu termasuk meletakkan tanggungjawab pengisian maklumat latihan kepada pihak penyedia latihan bagi memastikan ketepatan maklumat dan sebarang perubahan dapat dibuat dengan kadar lebih cepat.

Pendapat Audit

Pengurusan kelulusan levi latihan PSMB adalah kurang cekap. Kelulusan permohonan penggunaan levi lewat diberikan dan verifikasi pelaksanaan latihan tidak dilaksanakan.

**Baki Levi
Tertunggak
Berjumlah
RM205.42 Juta**

41. Subseksyen 18(1) Akta PSMB 2001 menetapkan majikan yang tidak membayar levi sebagaimana yang ditetapkan dalam Seksyen 14 dan 15 dalam Akta yang sama bertanggungjawab membayar faedah bagi tunggakan levi tersebut pada kadar 10% setahun.

42. Analisis Audit mendapati **tunggakan levi daripada majikan** berdaftar dengan PSMB adalah antara **RM72.47 juta hingga RM183.87 juta dengan faedah berjumlah RM11.16 juta bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023**. Tunggakan levi menunjukkan trend meningkat setiap tahun berbanding tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7**.

Jadual 7: Jumlah Tunggakan Levi Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2023

TAHUN	JUMLAH LEVI TERTUNGGAK (RM Juta)	FAEDAH ATAS TUNGGAKAN LEVI (RM Juta)
2020	72.47	1.36
2021	96.07	1.46
2022	141.77	3.19
2023	183.87	5.15
JUMLAH		11.16

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit dan Akaun Pengurusan PSMB

43. PSMB memaklumkan peningkatan tunggakan levi bagi tahun 2020 dan 2021 disebabkan kebanyakan syarikat terutama Industri Kecil dan Sederhana menutup operasi akibat pandemik Covid-19 dan tidak membuat bayaran levi kepada PSMB. Perluasan industri memerlukan pembayaran levi dibuat akibat pindaan Akta PSMB 2001 pada Februari 2021 juga menyebabkan

pertambahan jumlah majikan berdaftar yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan tunggakan levi pada tahun 2022 dan 2023.

44. Analisis Audit mendapati kelemahan aktiviti penguatkuasaan juga menyumbang kepada peningkatan jumlah levi tertunggak. Bilangan pemeriksaan di premis majikan adalah antara 162 (0.2%) hingga 337 (0.4%) premis berbanding jumlah majikan berdaftar iaitu antara 67,125 hingga 89,912 majikan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.

45. Analisis selanjutnya mendapati sebanyak **21,058 majikan berdaftar** setakat 31 Disember 2023 mempunyai **baki levi tertunggak berjumlah RM205.42 juta** termasuk RM21.55 juta daripadanya merupakan 582 majikan tidak aktif disebabkan syarikat telah ditutup atau dibubarkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

Jadual 8: Pengumuran Levi Tertunggak PSMB Setakat 31 Disember 2023

TEMPOH TUNGGAKAN LEVI	BIL. MAJIKAN	JUMLAH LEVI TERTUNGGAK (RM Juta)
1 – 6 bulan	8,631	11.81
7 – 12 bulan	2,399	13.87
13 – 36 bulan	7,590	103.02
37 – 60 bulan	1,017	19.66
61 bulan dan keatas	839	35.51
JUMLAH	20,476	183.87
Majikan Tidak Aktif	582	21.55
JUMLAH KESELURUHAN	21,058	205.42

Sumber: Laporan Pengumuran Levi Tertunggak PSMB setakat 31 Disember 2023

Maklum Balas PSMB

Peningkatan tunggakan levi antaranya kerana majikan baru berdaftar selepas perluasan Akta PSMB 2001 mulai Mac 2021, kurang arif mengenai keperluan mencarum levi, mengalami masalah kewangan, dalam proses membina semula perniagaan serta majikan yang menutup operasi selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Tindakan sivil telah dimulakan sejak November 2022 dan majikan mula memberikan respon positif dengan mengemukakan permohonan membayar tunggakan secara ansuran bulanan. PSMB akan melupuskan tunggakan levi bagi majikan yang tidak aktif setelah proses *due diligence* dilaksanakan.

Pendapat Audit PSMB gagal melaksanakan tanggungjawabnya mengutip levi berjumlah RM205.42 juta seperti yang ditetapkan oleh Akta PSMB 2001. Peningkatan jumlah levi yang tidak dikutip setiap tahun merugikan Kerajaan dan menjejaskan matlamat menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih.

Peserta Sebanyak 3,726 Mengikuti Latihan Melebihi Sekali Di Bawah Skim Yang Sama 46. Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) merupakan satu pelan di bawah Kumpulan Wang Covid-19 bertujuan untuk merangsang permintaan pekerjaan dalam kalangan majikan dan mengurangkan pengangguran. Garis Panduan Pelaksanaan Program di Bawah Bantuan Inisiatif Program PENJANA antaranya menetapkan peserta program hendaklah warganegara Malaysia dan **hanya dibenarkan untuk mengikuti satu skim latihan** sahaja.

47. Bagi tujuan penyaluran baki peruntukan kepada PSMB, MOF melalui surat bertarikh 28 Mei 2021 menghendaki PSMB menghantar senarai nama 85,000 peserta Program PENJANA kepada MOF meliputi lima jenis skim latihan. PSMB telah menghantar senarai nama peserta pada 19 Januari 2022.

48. Analisis Audit mendapati Skim Gerak Insan Gemilang (GIG) mempunyai jumlah peserta tertinggi iaitu 36,303 (42.7%) daripada lima skim latihan Program PENJANA. Analisis Audit selanjutnya mendapati bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023, **seramai 3,726 peserta skim ini telah mengikuti latihan melebihi sekali di bawah skim yang sama** melibatkan bayaran berjumlah **RM51.69 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

Jadual 9: Peserta Skim Gerak Insan Gemilang Yang Mengikuti Latihan Melebihi Sekali Bagi Skim Yang Sama

KEKERAPAN MENGIKUTI LATIHAN	JUMLAH PESERTA (Orang)	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)
Mengikuti latihan sebanyak dua kali	2,467	26.60
Mengikuti latihan sebanyak tiga kali	665	10.39
Mengikuti latihan lebih daripada tiga kali	594	14.70
JUMLAH	3,726	51.69

Sumber: Unit Parlimen dan Hal Ehwal Kerajaan PSMB

49. Semakan Audit terhadap laporan PSMB dan sampel baucar bayaran kepada penyedia latihan GIG, terdapat peserta yang sama hadir pelbagai latihan sehingga 16 kali. Selain itu, **terdapat peserta yang sama hadir kursus berlainan tetapi dalam satu tempoh yang sama**. Semakan Audit terhadap amaun bayaran pula terdapat perbezaan antara amaun

baucar bayaran berbanding laporan PSMB. Perkara ini menimbulkan **keraguan kesahihan kursus dijalankan, tuntutan bayaran dan pengesahan kehadiran peserta.**

50. PSMB memaklumkan perkara ini berlaku disebabkan kelemahan sistem dan infrastruktur teknologi maklumat dalaman bagi mengesan dan menghalang peserta untuk mengikuti latihan lebih daripada sekali. Namun, Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Bil. 4 Tahun 2021 pada 17 Jun 2021 telah bersetuju bayaran dibuat kepada penyedia latihan yang berkenaan bagi latihan yang telah dilaksanakan.

**Permohonan
Sebanyak 234
Yang Meragukan**

51. Analisis Audit selanjutnya terhadap senarai nama peserta PENJANA yang dikemukakan kepada MOF mendapati sebanyak **234 permohonan bagi Skim Gerak Insan Gemilang bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023 meragukan** seperti dalam **Jadual 10** kerana mempunyai nama dan nombor kad pengenalan yang sama berulang kali. Kelulusan permohonan tanpa semakan yang teliti oleh PSMB menyebabkan terdapat permohonan yang dibuat menggunakan nama dan nombor kad pengenalan yang sama berulang kali.

Jadual 10: Maklumat Senarai Nama Peserta Skim Gerak Insan Gemilang Yang Meragukan

SKIM	NO. KAD PENGENALAN SAMA MENGGUNAKAN NAMA BERBEZA (Orang)	NAMA SAMA MENGGUNAKAN NO. KAD PENGENALAN BERBEZA (Orang)	JUMLAH PERMOHONAN LATIHAN
Gerak Insan Gemilang	64	170	234

Sumber: Unit Parlimen dan Hal Ehwal Kerajaan PSMB

**Maklum Balas
PSMB**

Peserta yang menghadiri lebih daripada satu latihan adalah atas desakan keperluan peningkatan kemahiran semasa pandemik Covid-19. PSMB juga telah menambah baik infrastruktur teknologi maklumat bagi mempertingkatkan tadbir urus pelaksanaan program.

Pendapat Audit

Pengurusan Skim Gerak Insan Gemilang tidak diuruskan dengan teratur mengikut Garis Panduan Pelaksanaan Program PENJANA yang dikeluarkan oleh PSMB sendiri. Berlaku ketakteraturan dan keraguan dari segi permohonan dan pembayaran yang dibuat kepada penyedia latihan melibatkan bayaran berjumlah RM51.69 juta. Keadaan ini menjejaskan hasrat Kerajaan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pekerja meningkatkan kemahiran dan mengurangkan pengangguran.

**Pengurusan
Pelaburan**

52. Secara amnya, objektif utama penubuhan PSMB ialah pengenalan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih; serta penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM). Namun, sebagai pemegang amanah KWPSM, PSMB diberi kuasa untuk melabur di bawah Seksyen 27 Akta PSMB 2001.

53. Seksyen 26 Akta PSMB 2001 menetapkan PSMB hendaklah menubuhkan Panel Pelaburan yang bertanggungjawab terhadap perkara berkaitan pelaburan KWPSM. Peranan utama Panel Pelaburan antaranya ialah merangka polisi pelaburan; meluluskan kuasa dan had pelaburan; menyemak semula dasar; dan menilai prestasi pulangan pelaburan.

54. Berdasarkan Seksyen 27 Akta PSMB 2001, Panel Pelaburan boleh melaburkan kumpulan wang atau mana-mana bahagian kumpulan wang yang tidak merupakan wang yang dikehendaki dengan serta-merta bagi memenuhi kewajipan dan perbelanjaan kumpulan wang seperti berikut:

- dalam pelaburan atau sekuriti yang dibenarkan bagi pelaburan kumpulan wang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa;
- dalam syer dan debentur dalam mana-mana syarikat awam yang harga bagi syer dan debentur itu disebut di bursa saham yang ditubuhkan di Malaysia; atau
- dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti lain sebagaimana yang diputuskan oleh Panel Pelaburan.

55. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan PSMB setakat 30 Jun 2023 mendapati sejumlah RM3.727 bilion telah dilaburkan dalam tiga jenis portfolio pelaburan iaitu tunai dan deposit; pendapatan tetap; dan lain-lain jenis pelaburan. Daripada jumlah tersebut, pelaburan dalam simpanan tetap berjumlah RM2.412 bilion (64.7%) dalam 15 akaun di 15 institusi kewangan di Malaysia dan RM416.47 juta (11.2%) dalam pendapatan tetap menerusi pegangan bon/sukuk.

56. Selain itu, sejumlah RM898.41 juta (24.1%) daripada RM3.727 bilion tersebut telah dilaburkan dalam lain-lain pelaburan meliputi ekuiti berjumlah RM464.34 juta; unit amanah berjumlah RM92.13 juta; *Redeemable Convertible Cumulative Preference Share* (RCCPS) berjumlah RM170 juta; dan hartanah

berjumlah RM171.94 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

Jadual 11: Ringkasan Pelaburan Yang Telah Dibuat Oleh PSMB Setakat 30 Jun 2023

BUTIRAN		JUMLAH			KERUGIAN PELABURAN (BIL. TRANSAKSI)
KELAS ASET	PELABURAN	HARGA KOS (RM Juta)	HARGA PASARAN (RM Juta)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) (RM Juta)	
Tunai dan Deposit	Simpanan Tetap	2,411.80	2,411.80	-	0/158
	Jumlah	2,411.80	2,411.80	-	0/158
Pendapatan Tetap	Bon/Sukuk	416.47	421.76	5.29	14/42
	Jumlah	416.47	421.76	5.29	14/42
Lain-lain Pelaburan	Ekuiti	464.34	514.32	49.98	13/18
	Unit Amanah	92.13	81.63	(10.50)	2/4
	RCCPS	170.00	170.00	-	0/2
	Hartanah	171.94	TM	-	-
	Jumlah	898.41			15/24
JUMLAH KESELURUHAN		3,726.68			29/224

Sumber: Laporan Pelaburan pada 30 Jun 2023

Nota: TM - Tiada Maklumat

57. Berdasarkan Jadual 11, secara keseluruhannya prestasi pelaburan bagi bon/sukuk dan ekuiti telah memperoleh keuntungan masing-masing berjumlah RM5.29 juta dan RM49.98 juta. Bagaimanapun, prestasi pelaburan dalam unit amanah adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian tidak nyata berjumlah RM10.50 juta.

58. Analisis Audit mendapati **29 (termasuk dua kaunter unit amanah) daripada 224 transaksi pelaburan mencatatkan kerugian tidak nyata berjumlah RM49.38 juta**. Pelaburan bon/sukuk mengalami kerugian tidak nyata sejumlah RM4.98 juta melibatkan 14 transaksi pelaburan dengan jumlah kerugian tidak nyata antara RM850 hingga RM1.44 juta. Pelaburan ekuiti pula mencatatkan kerugian tidak nyata berjumlah RM33.35 juta melibatkan pelaburan di 13 syarikat dengan jumlah kerugian tidak nyata antara RM162,113.28 hingga RM18.52 juta.

59. PSMB juga mengalami kerugian tidak nyata dalam pelaburan unit amanah sejumlah RM11.04 juta melibatkan dua transaksi dengan kerugian tidak nyata masing-masing berjumlah RM4.29 juta dan RM6.75 juta. **Kerugian tidak nyata paling tinggi dialami oleh PSMB berjumlah RM18.52 juta melibatkan pelaburan ekuiti dalam satu syarikat disenaraikan di Bursa Malaysia.**

**Maklum Balas
PSMB**

Kerugian unit amanah hanyalah kerugian kerana penurunan harga. Dua unit amanah tersebut memberi dividen secara konsisten setiap tahun. Mengikut polisi, jika berlaku sebarang kerugian, potensi kerugian itu akan diambil kira dan dibawa kepada Panel Pelaburan. Penurunan harga selari dengan penurunan prestasi pasaran Malaysia pada tahun 2022 dan 2023.

Kerugian yang dialami oleh bon/sukuk kerana peningkatan Overnight Policy Rate (OPR). Jika berlaku kenaikan OPR, permintaan untuk bon dan sukuk akan berkurang kerana keuntungan kupon akan menurun berbanding dengan OPR yang menyebabkan harga bon dan sukuk tersebut menurun. Namun, kerana strategi Hold-to-Maturity yang dibuat oleh PSMB, kerugian tersebut hanyalah sementara dan akan kembali kepada harga tara jika bon dan sukuk tersebut dipegang sehingga tamat tempoh.

Kerugian ekuiti kerana kemunduran prestasi pasaran di Bursa Malaysia KLCI hingga Jun 2023. Kebanyakan pembelian ekuiti dibuat sebelum berlakunya Covid-19 dan penutupan ekonomi, yang menyebabkan kerugian lebih tinggi. Sebagai langkah menurunkan kerugian, PSMB telah menjual kebanyakan ekuiti tersebut selepas pasaran ekuiti telah pulih.

Pendapat Audit

Walaupun fungsi utama PSMB adalah berkaitan dengan latihan dan pembangunan sumber manusia, PSMB telah melaburkan sejumlah RM3.727 bilion dalam portfolio pelaburan setakat 30 Jun 2023. Secara keseluruhannya, pelaburan bon/sukuk, ekuiti dan unit amanah memberi pulangan kepada PSMB. Bagaimanapun, terdapat 29 transaksi pelaburan mencatatkan kerugian tidak nyata berjumlah RM49.38 juta dengan kerugian tertinggi melibatkan pelaburan ekuiti dalam satu syarikat tersenarai berjumlah RM18.52 juta sehingga Jun 2023. Pengurusan PSMB bertanggungjawab memastikan pelaburan yang dibuat melalui saringan Panel Pelaburan dan mengelakkan pelaburan berisiko tinggi bagi memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara.

**Kelulusan
Pembaharuan
Pelaburan Ekuiti
Tidak Teratur**

60. Berdasarkan Limits of Authority PSMB, sebarang pelaburan dalam bon/sukuk, sekuriti hutang swasta (private debt securities) dan lain-lain hendaklah mendapat kelulusan daripada Panel Pelaburan. Subseksyen 27(3) Akta PSMB 2001 pula menetapkan Menteri boleh, pada bila-bila masa mengarahkan pembatalan sebahagian atau keseluruhan, atau melarang pelaburan dalam mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti.

61. Perenggan 5.4 Peranan Ketua Eksekutif dalam Piagam Lembaga Pengarah menyatakan Ketua Eksekutif memikul tanggungjawab keseluruhan untuk melaksanakan strategi PSMB selaras dengan hala tuju Lembaga Pengarah, menyelia operasi PSMB, memacu perniagaan dan prestasi PSMB ke arah mencapai visi dan matlamatnya. Peranan utama Ketua Eksekutif antaranya termasuk memaparkan tingkah laku beretika semasa mengawasi operasi perniagaan harian dan memastikan keputusan dibuat selari dengan polisi PSMB, prosedur dan Limits of Authority.

62. Semakan Audit mendapati pembaharuan pelaburan ekuiti oleh PSMB dalam tujuh syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dibuat tanpa melalui Panel Pelaburan. Permohonan dibuat terus kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia dan telah diluluskan masing-masing pada 14 September 2023 dan 16 Oktober 2023. Justifikasi permohonan kelulusan dibawa terus kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia kerana kekosongan jawatan Pengerusi Panel Pelaburan dan kekurangan kuorum Panel Pelaburan menyebabkan mesyuarat tidak dapat diadakan.

63. Semakan selanjutnya mendapati setakat 30 Jun 2023, satu syarikat (Syarikat A) daripada tujuh syarikat tersebut mengalami kerugian tidak nyata berjumlah RM18.52 juta. PSMB telah mengemukakan permohonan kelulusan pembaharuan pelaburan ekuiti dalam Syarikat A yang disenaraikan di Bursa Malaysia melalui surat yang ditandatangani oleh Ketua Eksekutif PSMB kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia pada 16 Oktober 2023.

64. Kandungan surat kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia tidak selaras dengan rumusan analisis dibuat oleh Jabatan Perbendaharaan PSMB pada 10 Oktober 2023 yang diluluskan oleh Ketua Eksekutif adalah seperti dalam **Jadual 12**.

Jadual 12: Kandungan Surat Kepada Mantan YB Menteri Sumber Manusia Dan Analisis Kedudukan Kewangan Syarikat A Oleh Jabatan Perbendaharaan PSMB

SURAT KEPADA MANTAN YB MENTERI SUMBER MANUSIA BERTARIKH 16 OKTOBER 2023	ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT A OLEH JABATAN PERBENDAHARAAN PSMB BERTARIKH 10 OKTOBER 2023
- Berdasarkan analisis yang telah dibuat, disimpulkan bahawa syarikat tersebut mempunyai potensi yang kukuh untuk terus membesar, terutamanya dalam beberapa tahun akan datang. - Keadaan pasaran ekuiti semakin pulih, pembaharuan ekuiti swasta ini akan dapat membantu PSMB mencapai objektif pelaburannya.	- Syarikat A mengalami trend menurun dalam hasil dan pendapatan bersih untuk tempoh beberapa tahun kebelakang. - Terdapat peningkatan tekanan terhadap struktur modal yang mana operasi syarikat tidak dapat memenuhi pembayaran faedah. - Aliran tunai menurun dan dalam kedudukan negatif untuk tempoh beberapa tahun menunjukkan wang tunai tidak mencukupi untuk membayar faedah.

Sumber: Surat permohonan kelulusan pembaharuan pelaburan ekuiti bertarikh 16.10.2023 dan Kertas Pembaharuan Syarikat A bertarikh 10.10.2023

65. Semakan Audit selanjutnya mendapati Panel Pelaburan menerusi dua mesyuarat terdahulu iaitu masing-masing pada 8 Disember 2022 dan 22 Mac 2023 telah membuat keputusan untuk tidak meluluskan pembaharuan pelaburan ekuiti dalam Syarikat A disebabkan penurunan harga pasaran.

66. Bagaimanapun, Ketua Pegawai Kewangan telah membentangkan semula cadangan pembaharuan pelaburan dalam Mesyuarat Khas Panel Pelaburan pada 5 April 2023 dengan menyatakan nilai pasaran telah menurun melebihi 15% daripada had yang dibenarkan oleh Bursa Malaysia. Oleh itu sukar untuk PSMB keluar dari perjanjian yang dibuat dengan Syarikat A. Perkara ini menyebabkan Panel Pelaburan mengubah keputusan untuk meluluskan pembaharuan pelaburan ekuiti dengan syarat PSMB memperoleh tambahan saham atau tunai melalui perjanjian tambahan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

Jadual 13: Kronologi Perbincangan Dan Keputusan Panel Pelaburan Melibatkan Pembaharuan Pelaburan Syarikat A

TARIKH	MESYUARAT	AGENDA	BUTIRAN MESYUARAT	KEPUTUSAN
08.12.2022	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 8/2022	Pembentangan Cadangan Syarikat A	- Harga pasaran yang menurun dan pembaharuan adalah tidak wajar. - Pengerusi memaklumkan adalah baik pada masa akan datang supaya PSMB mematuhi terma tempoh 12 bulan dan menjual pada tempoh matang. PSMB boleh membeli semula saham dan pembaharuan adalah tidak digalakkan.	Tidak Lulus
22.03.2023	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 1/2023	Pembentangan semula keputusan Panel Pelaburan Bil. 8/2022 - Syarikat A	- Panel Pelaburan menasihatkan sekretariat supaya berbincang dengan Syarikat A mengenai mekanisma yang akan diterima pakai untuk mengembalikan tunai kepada PSMB. Selain itu, Panel Pelaburan mengarahkan sekretariat untuk memungut 8% dan dividen. - Cadangan pembaharuan tidak diluluskan dan kekal sebagai 'status quo.'	Tidak Lulus
05.04.2023	Mesyuarat Khas Panel Pelaburan 2023	Pembaharuan pelaburan ekuiti bagi Syarikat A	- Ketua Pegawai Kewangan memaklumkan disebabkan nilai pasaran telah menurun melebihi 15% daripada had yang dibenarkan oleh Bursa Malaysia, terdapat kesukaran untuk PSMB keluar dari perjanjian yang dibuat dengan Syarikat A. - Panel Pelaburan memutuskan bersetuju untuk memperbaharui pelaburan tertakluk kepada kandungan perjanjian tambahan.	Lulus

Sumber: Minit Mesyuarat Panel Pelaburan dan Minit Mesyuarat Panel Pelaburan Khas

67. Pada awal pelaburan ekuiti PSMB dalam Syarikat A pada 13 Oktober 2020, harga belian adalah 0.622 sen dengan amaun keseluruhan pelaburan berjumlah RM59.99 juta bagi 96.46 juta unit saham. Analisis Audit mendapati nilai pasaran mencatatkan trend menurun sejak perolehan pada 13 Oktober 2020 dengan

hanya sekali kenaikan melebihi nilai perolehan awal iaitu 0.800 sen pada Januari 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

Jadual 14: Kedudukan Nilai Pasaran Syarikat A Sejak Perolehan Pada 13 Oktober 2020 Hingga Mac 2024

TARIKH	NILAI PEMBUKAAN (RM)	JUMLAH KENAIKAN/PENURUNAN (RM)	TREND MENAIK/KEKAL/MENURUN
13.10.2020	0.622	-	-
01.01.2021	0.800	+ 0.178	Menaik
01.04.2021	0.575	- 0.225	Menurun
01.07.2021	0.400	- 0.175	Menurun
01.10.2021	0.390	- 0.010	Menurun
03.01.2022	0.365	- 0.025	Menurun
01.04.2022	0.365	-	Kekal
01.07.2022	0.360	- 0.005	Menurun
03.10.2022	0.360	-	Kekal
02.01.2023	0.425	+ 0.065	Menaik
03.04.2023	0.420	- 0.005	Menurun
03.07.2023	0.420	-	Kekal
02.10.2023	0.510	+ 0.090	Menaik
01.01.2024	0.485	- 0.025	Menurun
04.03.2024 (terkini)	0.120	- 0.365	Menurun

Sumber: Laman Sesawang thestar.com.my

68.Semakan Audit selanjutnya mendapati PSMB telah mengemukakan permohonan pembaharuan pelaburan tersebut kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia pada 16 Oktober 2023 untuk kelulusan disebabkan perjanjian pelaburan dalam Syarikat A akan tamat pada November 2023.

69.Semakan terhadap dokumen permohonan tersebut mendapati tiada maklumat yang mencukupi disertakan seperti keputusan Panel Pelaburan dan trend nilai pasaran bagi membantu mantan YB Menteri Sumber Manusia membuat keputusan terbaik buat PSMB. Walaupun pelaburan ini melibatkan jumlah yang sangat tinggi, mantan YB Menteri Sumber Manusia telah meluluskan permohonan pada tarikh yang sama tanpa sebarang ulasan. Berdasarkan nilai pasaran semasa saham Syarikat A pada 4 Mac 2024 yang bernilai 0.120 sen, PSMB berpotensi menanggung kerugian tidak nyata berjumlah RM48.42 juta disebabkan ketidakupayaan Syarikat A membayar balik nilai premium.

**Maklum Balas
PSMB**

Disebabkan Subseksyen 7(3) Akta PSMB 2001 belum dapat dipenuhi, PSMB telah bergantung kepada Seksyen 50 Akta PSMB 2001 untuk mendapat kelulusan tersebut berdasarkan prinsip tata kelola yang baik. Kesemua pelaburan yang diluluskan oleh mantan YB Menteri Sumber Manusia melibatkan pembaharuan kontrak pelaburan yang telah diluluskan sebelum ini.

Kertas analisis menunjukkan walaupun prestasi kewangan Syarikat A menunjukkan kelemahan dari segi struktur modal dan pendapatan bersih, namun Syarikat A mempunyai prospek positif melalui projek yang diperoleh daripada Kerajaan. Syarikat A mempunyai kumpulan aset yang besar dan boleh digunakan sebagai jaminan. Jika projek Syarikat A berjaya, berkemungkinan harga saham syarikatnya meningkat dari pandangan asas.

Dari segi bayaran balik nilai premium, Syarikat A telah mengemukakan rayuan dan telah memberi jadual pembayaran kepada PSMB. Rayuan ini yang menyebabkan perubahan keputusan oleh Panel Pelaburan pada 5 April 2023. Panel Pelaburan mendapati PSMB masih boleh menerima pulangan menggunakan opsyen derivatif pada kadar 8.5%.

Kertas pertimbangan kepada YB Menteri Sumber Manusia sentiasa dilampirkan dengan kertas cadangan pelaburan ekuiti yang terperinci termasuk kertas analisa pelaburan melibatkan tujuh syarikat berkaitan dan diberikan kelulusan oleh mantan YB Menteri Sumber Manusia.

[Nota: PSMB ada mengemukakan kertas cadangan pelaburan ekuiti yang dimaksudkan kepada pihak Audit tetapi secara berasingan daripada maklum balas awal. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kertas tersebut telah dikemukakan kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia untuk permohonan tersebut].

Pendapat Audit

Kelulusan pembaharuan pelaburan ekuiti oleh mantan YB Menteri Sumber Manusia adalah selaras dengan Seksyen 50 Akta PSMB 2001. Namun, dari aspek tata kelola yang baik, Pengurusan PSMB sewajarnya mempunyai *duty of care* untuk memberikan gambaran yang jelas kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia dalam membantu membuat keputusan termaklum (informed decision) sama ada untuk memperbaharui pelaburan atau tidak. Gambaran tersebut seharusnya merangkumi kedudukan prestasi dan potensi pelaburan dalam suatu tempoh masa.

**Proses
Pembayaran
Deposit
Pembelian
Hartanah Menara
Ikhlas Tidak
Teratur**

70. Klausula 4.1, Perjanjian Jual Beli Pembelian Hartanah Menara Ikhlas menyatakan jumlah deposit hendaklah dibayar oleh PSMB kepada peguam PSMB selaku pemegang taruh (stakeholder) serta-merta selepas pelaksanaan perjanjian jual beli ini.

71. Klausula 4.2 menyatakan peguam PSMB hendaklah membayar deposit mengikut cara yang berikut:

- 4.2.1: "A sum of RM6,075,000-00 only (a sum equivalent to 3% of the Purchase Price) being the Real Property Gain Tax".
- 4.2.2: "The Balance Deposit Sum of RM113,925,000-00 only shall be disbursed to the Vendor within 7 business days from the receipt of written notification of the Vendor or the Vendor's Solicitors notifying the Purchaser's Solicitors that the Vendor has been duly registered as the legal owner of the said Property together with a copy of the title thereof".

72. Klausula 11.1 pula menyatakan "Vacant possession of the said Property shall be delivered by the Vendor to the Purchaser on or by 01-04-2021 (hereinafter referred to as the "Date of Vacant Possession") subject to any existing lease and/or tenancy".

73. Manakala Klausula 30 menyatakan "No amendment, variation, revocation, cancellation, substitution, or waiver of, or addition or supplement to, of any of the provisions of this Agreement shall be effective unless it is in writing and signed by both Parties".

74. Pada 24 Februari 2021, PSMB dan Syarikat B telah menandatangani Perjanjian Jual Beli Pembelian Hartanah Menara Ikhlas dengan harga pembelian berjumlah RM202.50 juta meliputi harga pajakan bulanan berjumlah RM0.69 juta selama 10 tahun dan deposit berjumlah RM120 juta.

75. Selaras dengan Klausula 4.1, PSMB telah membayar deposit berjumlah RM120 juta pada 25 Februari 2021 kepada peguam PSMB iaitu Firma Guaman A untuk dipegang sebelum dibayar kepada Syarikat B setelah syarat klausula 4.2.1 dan 4.2.2 dipenuhi.

76. Semakan Audit mendapati Firma Guaman A telah memulangkan deposit berjumlah RM120 juta yang dipegang pada 18 November 2021 setelah PSMB dan Syarikat B bersetuju untuk melepaskan peranan Firma Guaman A sebagai pemegang taruh.

77.Semakan lanjut mendapati PSMB telah **membayar deposit berjumlah RM120 juta pada 5 Januari 2022** menerusi arahan pemindahan Rentas Direct Transfer Out Instruction kepada Firma Guaman B (peguam Syarikat B semasa pembelian Menara Ikhlas oleh Syarikat B daripada Syarikat C) **walaupun Syarikat B belum memenuhi Klausa 4.2.2..**

78.Semakan lanjut mendapati **Firma Guaman B bukan pihak yang dinyatakan untuk menerima bayaran dalam perjanjian.** Peguam bagi pihak Syarikat B dalam perjanjian ialah Firma Guaman C.

79.Semakan Audit selanjutnya mendapati Ketua Pegawai Kewangan telah membentangkan mengenai pembayaran deposit kepada Firma Guaman B dalam Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 1 Tahun 2022 pada 8 Februari 2022. Pembentangan bertujuan untuk mendapatkan **pengesahan dan kelulusan Panel Pelaburan** ini dibuat **selepas 32 hari pembayaran deposit dilaksanakan pada 5 Januari 2022.**

80.Berdasarkan Minit Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 1 Tahun 2022, Panel Pelaburan telah mempersoalkan mengenai bayaran deposit yang telah dibuat oleh PSMB. Bagaimanapun, pengesahan dan kelulusan tetap diberikan oleh Panel Pelaburan selepas Ketua Eksekutif memaklumkan bayaran deposit perlu dibuat disebabkan perkara berikut:

- Syarikat C selaku *Receiver and Manager* telah memberikan pelanjutan tiga bulan kepada Syarikat B untuk menjelaskan transaksi melibatkan pembelian Menara Ikhlas;
- Sekiranya Syarikat B lewat membuat bayaran, bangunan tersebut akan dilelong semula; dan
- Pembayaran deposit menunjukkan minat PSMB untuk membeli Menara Ikhlas.

81.Semakan Audit seterusnya mendapati Syarikat B telah memohon empat pelanjutan masa daripada PSMB menerusi surat bertarikh 31 Mac 2021, 17 November 2021, 11 April 2022 dan 9 Ogos 2022 untuk melanjutkan tempoh mengemukakan *Vacant Possession* sehingga 15 November 2022 (594 hari dari tarikh ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli). Permohonan pelanjutan

dibuat disebabkan pandemik Covid-19 dan kelewatan memuktamadkan dokumen berkaitan *Vacant Possession*.

82. Berikutan kelewatan Syarikat B mengemukakan *Vacant Possession*, Panel Pelaburan dalam lima mesyuarat yang diadakan antara bulan November 2021 hingga Disember 2022 telah bersetuju supaya deposit berjumlah RM120 juta dituntut semula oleh PSMB dan perjanjian tersebut dibatalkan. Bagaimanapun, PSMB hanya berjaya mendapatkan semula deposit tersebut pada 2 Februari 2023 iaitu 394 hari selepas bayaran pada 5 Januari 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

Jadual 15: Perbincangan Dan Keputusan Panel Pelaburan Melibatkan Tuntutan Deposit Dan Pembatalan Perjanjian

BIL.	MESYUARAT	TARIKH	BUTIRAN PERBINCANGAN
1.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 4 Tahun 2021	16.11.2021	Disebabkan lewat, Panel Pelaburan memutuskan supaya deposit yang dipegang oleh Firma Guaman A dipulangkan.
2.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 4 Tahun 2022	05.09.2022	Panel Pelaburan bersetuju dan meluluskan supaya deposit RM120 juta dituntut dan dipulangkan kepada PSMB disebabkan kegagalan Syarikat B mengemukakan <i>Vacant Possession</i> . Panel Pelaburan akan membuat keputusan berkaitan pembatalan perjanjian.
3.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 6 Tahun 2022	07.10.2022	Panel Pelaburan menasihatkan pengurusan PSMB supaya menuntut semula RM120 juta daripada Firma Guaman B disebabkan kegagalan Syarikat B mengemukakan <i>Vacant Possession</i> .
4.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 7 Tahun 2022	27.10.2022	Panel Pelaburan bersetuju jika Syarikat B gagal mengemukakan dokumen dan memenuhi klausa perjanjian pada 15 Disember 2022, PSMB akan membatalkan perjanjian dan menuntut RM120 juta dipulangkan kepada PSMB dengan segera.
5.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 8 Tahun 2022	08.12.2022	Panel Pelaburan mengarahkan pengurusan PSMB membatalkan perjanjian dan menuntut deposit RM120 juta termasuk faedah.
6.	Mesyuarat Panel Pelaburan Bil. 1 Tahun 2023	22.03.2023	Deposit telah dipulangkan pada 2 Februari 2023. Faedah berjumlah RM1.9 juta telah diterima daripada Firma Guaman B pada 17 Februari 2023, manakala faedah daripada Firma Guaman A berjumlah RM1.3 juta diterima pada 24 Februari 2023.

Sumber: Minit Mesyuarat Panel Pelaburan PSMB

83. Semakan Audit terhadap *correspondence* antara PSMB dan Syarikat B melibatkan pembayaran deposit berjumlah RM120 juta pada 5 Januari 2022, didapati tiada pernyataan secara bertulis dan tandatangan persetujuan kedua-dua pihak bagi maksud pembayaran jumlah deposit oleh PSMB kepada Firma Guaman B. Bagaimanapun, PSMB memaklumkan Syarikat B telah menamakan Firma Guaman B sebagai penerima deposit berdasarkan surat yang dikemukakan oleh Syarikat B bertarikh 23 Disember 2021. Surat tersebut memaklumkan supaya PSMB membayar deposit berjumlah RM120 juta kepada Firma Guaman B hanya ditandatangani oleh satu pihak sahaja iaitu Pengarah Syarikat B. **Perkara ini tidak selaras dengan Klausa 30 Perjanjian Jual Beli.**

84. Selain itu, terdapat tuntutan menerusi surat bertarikh 27 Disember 2021 oleh PSMB kepada Syarikat B untuk membayar kerugian faedah berjumlah RM0.52 juta. Menurut surat tersebut, PSMB perlu menamatkan lebih awal (prematurely terminate) perjanjian pelaburan bagi membolehkan pembayaran deposit berjumlah RM120 juta dibuat kepada Syarikat C.

85. Lanjutan daripada itu, Syarikat B melalui surat bertarikh 29 Disember 2021 telah bersetuju untuk membayar kerugian faedah seperti dituntut oleh PSMB namun menamakan Firma Guaman B sebagai pihak untuk menerima deposit. Penamaan ini adalah bertentangan dengan persetujuan awal PSMB dalam surat bertarikh pada 27 Disember 2021. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan keperluan tuntutan bayaran atas kerugian faedah oleh PSMB dan perubahan pihak yang dinamakan untuk menerima bayaran deposit kerana tidak dinyatakan dalam perjanjian.

**Maklum Balas
PSMB**

Berdasarkan praktis kebiasaan, deposit akan diberi mengikuti klausa dalam perjanjian. Deposit yang telah dibayar oleh PSMB adalah selaras dengan klausa perjanjian.

PSMB telah mengambil langkah berjaga-jaga dan hanya membayar deposit kepada pihak berkepentingan ("stakeholder sum") kerana pihak penjual masih belum mendapat hak milik tanah.

Setelah pihak penjual gagal untuk membuktikan hak milik, PSMB telah mengeluarkan surat kepada pihak penjual menyatakan pihak penjual telah gagal untuk memenuhi syarat jual beli dan mengarah pemulangan deposit yang telah dibayar termasuk faedah.

Dalam perjanjian, pembayaran perlu dibuat kepada Firma Guaman C tetapi Syarikat B telah mengarahkan untuk pembayaran dibuat kepada Firma Guaman B melalui surat bertarikh 23 Disember 2021.

Pendapat Audit

Pengurusan pembayaran deposit pembelian hartanah Menara Ikhlas adalah tidak teratur. Pengesahan dan kelulusan Panel Pelaburan hanya diperoleh selepas pembayaran deposit dibuat; kaedah pembayaran deposit kepada Firma Guaman B tidak teratur dan tidak selaras dengan klausa 4.2.2.

Merujuk kepada beberapa *correspondence* didapati tiada persetujuan dan perakuan bertulis dibuat oleh

PSMB berhubung dengan pembayaran kepada Firma Guaman B. Pihak Audit memperoleh maklumat bahawa persetujuan dan perakuan daripada PSMB adalah daripada Syarikat B dan bukan daripada PSMB sendiri.

Pihak Audit berpandangan bahawa tindakan pihak PSMB melepaskan ("discharge") Firma Guaman A sebagai pemegang taruh deposit berkenaan adalah tidak menjaga kepentingan PSMB sendiri dan membuat perkiraan (arrangement) di luar perjanjian. Justeru pembayaran deposit yang dibuat adalah bertentangan dengan klausa perjanjian.

Selain itu, semakan beberapa *correspondence* yang dikemukakan kepada pihak Audit adalah bukan salinan asal. Oleh itu, kesahan *correspondence* itu adalah diragui dan boleh dipertikaikan.

Berdasarkan pemerhatian, pihak Audit maklum beberapa perubahan dalam kontrak dibuat melalui tindakan (conduct) sahaja dan tiada sebarang pindaan dibuat dalam Perjanjian sedia ada. Oleh itu, pihak Audit berpandangan PSMB tidak mematuhi Klausa 30 memandangkan semua persetujuan atau tindakan lanjut yang dibuat selepas itu tidak dibuat secara bertulis dan tidak ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Berhubung dengan tindakan pelaburan yang dibuat setelah menerima semula deposit daripada Firma Guaman A, pihak Audit berpendapat tindakan tersebut tidak dipertimbangkan dengan sewajarnya dan tidak mengikut proses yang betul sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta PSMB 2001. Ini kerana tiada sebarang dokumen yang dikemukakan bagi mengesahkan tindakan tersebut.

Pihak Audit mengambil maklum bahawa perjanjian ini telah ditamatkan. Walaubagaimanapun, pihak Audit tidak dapat sebarang pembuktian bahawa perjanjian ini telah ditamatkan.

**KEDUDUKAN
KEWANGAN**

86. PSMB mencatatkan keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022. Peningkatan pendapatan yang diperoleh daripada keuntungan pelaburan, akaun simpanan tetap dan caj perkhidmatan kepada penyedia latihan telah menyumbang kepada keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun tersebut.

87. Keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2022 berjumlah RM389.95 juta. Butiran lanjut kedudukan kewangan; trend pendapatan dan perbelanjaan; serta trend keuntungan sebelum cukai dan terkumpul bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah seperti dalam **Jadual 16**, **Carta 2** dan **Carta 3**.

Jadual 16: Kedudukan Kewangan PSMB Bagi Tempoh Tahun 2020 Hingga 2022


BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	81.00	80.50	132.59
Pendapatan Lain	31.20	13.04	67.36
Pendapatan daripada Aktiviti Pembangunan	1.46	18.13	47.24
Pendapatan Dana Strategik	120.03	131.86	5.39
JUMLAH PENDAPATAN	233.69	243.53	252.58
Perbelanjaan Operasi	54.88	74.14	107.37
Perbelanjaan Lain	27.91	7.33	62.79
Perbelanjaan bagi Aktiviti Pembangunan	5.05	18.13	47.24
Perbelanjaan bagi Program Dana Strategik	120.03	131.87	5.39
JUMLAH PERBELANJAAN	207.87	231.47	222.79
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	25.82	12.06	29.79
Cukai	0	0	0
KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI	25.82	12.06	29.79
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	348.10	360.16	389.95
JUMLAH ASET	2,247.27	2,500.58	3,575.80
JUMLAH LIABILITI	1,885.07	2,141.38	3,194.02
JUMLAH EKUITI	362.20	359.20	381.78
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI	2,247.27	2,500.58	3,575.80
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	240.03	207.64	130.88

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020 hingga 2022

Carta 2: Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2020, 2021 Dan 2022



Carta 3: Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Berkumpul Bagi Tahun 2020, 2021 Dan 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

88. Analisis Audit terhadap kedudukan nisbah kewangan mendapati peratusan jumlah aset PSMB yang dibiayai oleh liabiliti bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 adalah antara 83.8% hingga 89.3%. Secara amnya, nisbah hutang atas aset melebihi 50% menunjukkan **PSMB terlalu bergantung kepada liabiliti iaitu levi bagi menampung operasi syarikat.**

Maklum Balas PSMB

Nisbah hutang atas aset PSMB adalah termasuk komponen liabiliti bukan pemiutang seperti dana levi. Aset PSMB sentiasa berada di posisi yang boleh menampung keseluruhan dana levi pada setiap masa. Pulangan atas pelaburan PSMB berada dalam lingkungan 4.0% hingga 4.8% pada tahun 2023. PSMB dalam usaha ke arah *self sustain* dengan memperkenalkan yuran perkhidmatan dan mempelbagaikan sumber pelaburan bagi menampung kos operasi.

Peningkatan jumlah keuntungan pelaburan dan yuran perkhidmatan telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan PSMB dan membolehkan syarikat mencatat keuntungan sebelum cukai bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.

Pendapat Audit

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan PSMB adalah stabil. Bagaimanapun, operasi syarikat bergantung kepada liabiliti iaitu sumber kutipan levi daripada majikan berdaftar.

TADBIR URUS KORPORAT

89. Tujuh daripada sembilan elemen amalan tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Eksekutif; Prosedur Operasi Standard; Pelan Strategik dan KPI; Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (BARMC); dan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (BNRC). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17(a), Jadual 17(b)** dan **Jadual 17(c)**.

Jadual 17(a): Penemuan Audit Amalan Tadbir Urus Korporat Berkaitan Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat Dan Ketua Eksekutif

ELEMEN	AMALAN TERBAIK DAN PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS PSMB
Lembaga Pengarah	Perenggan 5.3.2., Piagam Lembaga Pengarah PSMB – Senarai program pembelajaran yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah tidak dapat disahkan kerana daftar/rekod berkaitan tidak disediakan.	Langkah telah diambil bagi memastikan akses kepada program pembelajaran berterusan kepada Lembaga Pengarah, namun bergantung kepada permintaan dan kelapangan Lembaga Pengarah untuk menghadiri mana-mana program pembelajaran yang diinginkan.
Setiausaha Syarikat	Piagam Lembaga Pengarah, perenggan 7.2.1 – Kertas lembaga dan dokumen pembentangan bagi 14 agenda Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5 Tahun 2022 lewat diedarkan kepada Lembaga Pengarah.	Tarikh Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 5 Tahun 2022 telah diawalkan berbanding jadual asal menyebabkan pihak pengurusan terpaksa menyiapkan kertas lembaga dan dokumen pembentangan dalam masa lapan hari bekerja.
	Piagam Lembaga Pengarah, perenggan 7.6 – Draf minit Mesyuarat Lembaga Pengarah tahun 2021 hingga 2023 lewat diedarkan antara 8 - 59 hari bekerja selepas mesyuarat diadakan manakala tempoh edaran minit bagi tahun 2020 tidak dapat ditentukan.	Pengedaran draf minit lewat tidak menjejaskan keberhasilan mesyuarat Lembaga Pengarah dan tidak mendapat sebarang bantahan oleh Lembaga Pengarah.
	Limits of Authority, perenggan 3.11.3 dan Terma Rujukan BNRC, perenggan 3 – Setiausaha Syarikat dalam Mesyuarat BNRC Bil. 2 Tahun 2021 memaklumkan butiran gaji pegawai kanan dan peringkat C hanya perlu disemak dan diluluskan oleh BNRC tanpa perlu memaklumkan secara terperinci kepada Lembaga Pengarah. Perkara ini bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan.	Pembentangan dibuat kepada BNRC bagi semakan semula struktur gaji bagi pekerja bergred SDII hingga Ketua Eksekutif pada 25 Januari 2022. BNRC kemudian meluluskan struktur gaji tersebut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.
Ketua Eksekutif	Piagam Lembaga Pengarah, perenggan 5.4 – Berlaku kelemahan berkaitan peranan Ketua Eksekutif dalam mengurus, menyelia dan mengawasi operasi perniagaan PSMB bagi mencapai matlamat penubuhannya antaranya berkaitan: • Tidak mengemukakan sasaran KPI dan meminda indikator KPI tanpa kelulusan Lembaga Pengarah; • Tidak menetapkan sasaran penyaluran levi kepada majikan; • Levi diluluskan selepas tarikh latihan; • Tidak memberi gambaran yang jelas kepada mantan YB Menteri Sumber Manusia dalam membuat keputusan berkaitan pelaburan; dan • Tidak cekap menguruskan tunggakan levi yang menyebabkan jumlah tunggakan meningkat setiap tahun.	Ketua Eksekutif telah menjalankan tanggungjawab membawa nama prestasi yang lebih tinggi. Cabaran berasaskan situasi yang dihadapi oleh PSMB tahun 2023 kerana Lembaga Pengarah tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Bagaimanapun, Ketua Eksekutif tetap memberi komitmen penuh dan hasil berimpak tinggi kepada PSMB sepanjang penubuhan PSMB.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 17(b): Penemuan Audit Amalan Tadbir Urus Korporat Berkaitan Prosedur Operasi Standard Dan Pelan Strategik Dan KPI

ELEMEN	AMALAN TERBAIK DAN PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS PSMB
Prosedur Operasi Standard	Levy Grant Processing Guideline – Sejumlah 62 permohonan levi berjumlah RM1.68 juta diluluskan selepas tarikh latihan berlangsung.	Tarikh latihan permohonan yang dikuiri, rayuan dan modifikasi dibuat selepas tarikh latihan. Tiada had masa ditetapkan untuk majikan membuat permohonan baharu selepas rayuan dan modifikasi. Situasi tersebut menyebabkan permohonan dihantar untuk kelulusan selepas tarikh latihan dijalankan.
	Garis Panduan Pelaksanaan Program di bawah Bantuan Inisiatif Program PENJANA – Seramai 3,726 peserta Skim Gerak Insan Gemilang telah mengikuti latihan lebih daripada sekali di bawah skim yang sama.	Infrastruktur teknologi maklumat telah ditambah baik bagi mempertingkatkan tadbir urus pelaksanaan program.
	Revision to the Time Frame for Submission of Training Grant and Claim Applications – Sebanyak 20 levi berjumlah RM0.68 juta dibayar oleh PSMB walau lewat dituntut oleh majikan melebihi tempoh enam bulan selepas tarikh latihan selesai diadakan.	Sistem sedia ada akan digantikan dengan sistem baharu termasuk meletakkan tanggungjawab pengisian maklumat latihan kepada pihak penyedia latihan bagi memastikan ketepatan maklumat dan sebarang perubahan dibuat dengan cepat.
Pelan Strategik dan KPI	Perenggan 3.2.1, Limit of Authority PSMB – PSMB tidak menyediakan Pelan Strategik bagi memastikan operasi syarikat selaras dengan objektif penubuhannya.	Penetapan prestasi keberhasilan diukur melalui KPI yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada setiap tahun.
	Limits of Authority, perenggan 3.2.2 – Sasaran KPI tahun 2023 tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah. – Sasaran 20 daripada 30 indikator KPI tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tahun 2020 hingga 2022.	Sasaran dan pencapaian KPI 2023 telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2024 pada 4 April 2024.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Jadual 17(c): Penemuan Audit Amalan Tadbir Urus Korporat Berkaitan BARMC Dan BNRC

ELEMEN	AMALAN TERBAIK DAN PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS PSMB
Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (BARMC)	Perenggan 5.1.1 Terma Rujukan BARMC – BARMC tidak menjalankan mesyuarat mengikut kekerapan Terma Rujukan BARMC bagi tahun 2022 dan 2023.	Mesyuarat BARMC pada tahun 2023 tidak dapat diadakan kerana tiada Pengerusi Lembaga Pengarah.
	Perenggan 2.1.5 Terma Rujukan BARMC – Tiada ahli BARMC yang menjadi ahli badan perakaunan profesional selaras dengan terma rujukan BARMC.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2024 telah meluluskan pemansuhan terma berkaitan ahli BARMC yang menjadi ahli badan perakaunan profesional dalam Terma Rujukan.
	Chartered Institute of Internal Auditors, What Every Director Should Know – How To Get The Most From Your Internal Audit, muka surat 5 – Tiada perjumpaan antara BARMC dan Ketua Audit Dalam dibuat sekurang-kurangnya sekali setahun tanpa kehadiran pengurusan syarikat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.	Semua perjumpaan antara BARMC dan Ketua Audit Dalam telah dibuat tanpa kehadiran pengurusan syarikat kecuali Setiausaha Syarikat dan kadang kala dengan kehadiran Ketua Eksekutif.

ELEMEN	AMALAN TERBAIK DAN PENEMUAN AUDIT	MAKLUM BALAS PSMB
Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (BNRC)	Limits of Authority, perenggan 3.11.3 dan Terma Rujukan BNRC – Semakan semula struktur gaji Ketua Eksekutif pada 8 Jun 2022 tidak dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah.	Pembentangan dibuat kepada BNRC berkaitan semakan semula struktur gaji bagi pekerja bergred SDII hingga Ketua Eksekutif pada 25 Januari 2022. BNRC meluluskan struktur gaji tersebut berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022.
	Limits of Authority, perenggan 3.8.1 – Pembayaran gaji dan bonus tahun 2022 telah melebihi bajet yang diluluskan berjumlah RM4.26 juta.	Peruntukan bajet untuk bonus sebagai asas kepada penyediaan bajet tahunan. Pembayaran sebenar berdasarkan prestasi organisasi.

Sumber: Jabatan Audit Negara

Pendapat Audit Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat PSMB adalah tidak memuaskan. Terdapat tindakan dan keputusan yang diambil oleh pengurusan PSMB tidak mematuhi prosedur dan tidak menjaga kepentingan PSMB dalam mencapai fungsi penubuhannya.

RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

90. PSMB telah diberikan mandat yang penting oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan sumber manusia negara berdasarkan kepada levi yang dikutip berjumlah RM5.266 bilion bagi tempoh 2020 hingga 2023 bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja dalam semua sektor industri di Malaysia. Pengauditan mendapati objektif penubuhan PSMB belum tercapai sepenuhnya kerana kelemahan pengurusan PSMB dalam melaksanakan operasi dan aktiviti syarikat mengikut tata kelola dan peraturan yang ditetapkan.

SYOR AUDIT

91. PSMB hendaklah memastikan sasaran, pencapaian dan pindaan kepada KPI diluluskan oleh Lembaga Pengarah selaras dengan Limits of Authority dan prinsip tata kelola yang baik.

92. PSMB hendaklah memastikan peraturan dan garis panduan berkaitan levi dan geran Kerajaan dipatuhi; kelulusan pelaburan mengikut Limits of Authority; dan terma perjanjian dipatuhi.

93. PSMB hendaklah melaksanakan tanggungjawab seiring dengan prinsip *duty of care* dan tata kelola yang baik dalam pengurusan syarikat.

94. PSMB perlu mengkaji semula keperluan pindaan terhadap Perlembagaan Syarikat berkaitan pengurusan dan operasi syarikat agar selaras dengan peruntukan di bawah Akta PSMB 2001. Sekiranya PSMB ingin mengekalkan peruntukan sebagaimana Perlembagaan Syarikat yang telah dibuat, maka pindaan Akta PSMB 2001 sewajarnya dilaksanakan agar tidak

berlaku sebarang percanggahan antara Perlembagaan Syarikat dengan akta yang berkuat kuasa.

95. Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan PSMB bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.

OBJEKTIF, SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**OBJEKTIF
PENGAUDITAN**

1. Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan PSMB dalam pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih; serta pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

**SKOP
PENGAUDITAN**

2. Pengauditan melibatkan aktiviti utama PSMB bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023. Bagi pentadbiran KWPSM, pengurusan pelaburan turut meliputi tempoh tahun 2015 hingga 2023. Prestasi aktiviti dinilai bagi tiga perkara iaitu prestasi Petunjuk Prestasi Utama (KPI), prestasi penyaluran levi kepada majikan dan prestasi penggunaan geran Kerajaan. Pengurusan aktiviti melibatkan penilaian terhadap aktiviti pengurusan levi, geran Kerajaan dan pelaburan.

3. Pengauditan terhadap amalan tadbir urus korporat melibatkan sembilan elemen iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Eksekutif; Prosedur Operasi Standard; Pelan Strategik dan KPI; Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko; Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan; dan Audit Dalaman. Penilaian dibuat bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023. Kedudukan kewangan PSMB dinilai berdasarkan analisis terhadap penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

**METODOLOGI
PENGAUDITAN**

4. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen dikemukakan oleh pengurusan PSMB serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

5. Lawatan fizikal dijalankan di lokasi latihan serta pejabat majikan melibatkan lima negeri iaitu Selangor, Pahang, Johor, Pulau Pinang dan Sabah. Pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat PSMB yang terletak di Jalan Beringin, Kuala Lumpur.

6. Penilaian kedudukan kewangan dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan beraudit PSMB oleh Tetuan BDO PLT bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

ISU LAIN DIBANGKITKAN

**Tidak Menetapkan
Secara Khusus
Prestasi Keberhasilan**

1. PSMB **tidak menetapkan secara khusus prestasi keberhasilan** yang perlu dicapai serta **kaedah pengukuran** keberhasilan terhadap mandat penubuhannya bagi tujuan penilaian.

**Tuntutan Levi
Dibayar Oleh PSMB
Walaupun Lewat
Dituntut**

2. Sebanyak **20 levi latihan** berjumlah **RM0.68 juta** **dibayar oleh PSMB walaupun lewat** dituntut oleh majikan **melebihi tempoh enam bulan selepas tarikh latihan diadakan** iaitu antara 19 hingga 536 hari.

**Perolehan Peralatan
Dan Ruang Latihan
Tidak Mengikut
Kelulusan**

3. **Peralatan latihan yang diperoleh serta ruang latihan** yang telah diubah suai oleh tiga majikan bagi Skim Kemudahan Latihan dan Pengubahsuaian **tidak mengikut kelulusan yang telah diberikan.**

4. Peralatan yang dibeli tidak digunakan oleh majikan; spesifikasi peralatan yang dibeli berbeza daripada invois; peralatan dibeli tiada di premis majikan; dan lokasi yang diubah suai bagi tujuan latihan digunakan bagi tujuan yang lain.
